

# **BAB V**

## **BAB LIMA**

### **RUMUSAN DAN SARANAN**

#### **5.1. Rumusan**

Sejak penemuan tulisan Jawi berbahasa Melayu pada 22 Februari 1303 di Trengganu sehinggalah ke zaman ini kita dapati ianya telah mengalami satu sejarah yang panjang . Dari tarikh ini , maka tulisan Jawi menerima banyak perubahan samada dari sudut huruf yang digunakan atau ejaannya

Dari segi huruf , pada mulanya hanya tertumpu kepada penggunaan huruf-huruf Arab. Selepas itu ditambah pula dengan huruf-huruf Melayu yang diubahsuai dari tulisan Arab Farsi atau Hindi. Huruf-huruf tambahan itu diperkenalkan bagi mengisi keperluan yang tidak dapat dilaksanakan oleh tulisan Arab.

Dari segi ejaan pula tulisan Jawi telah mengharungi empat tahap perubahan bermula dengan sistem ejaan pengaruh Arab yang mempunyai baris kemudian disusuli dengan sistem ejaan pengaruh Melayu . Perubahan ini berlaku secara perlahan-lahan sehinggalah ke masa ini dengan lahirnya Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (EJYD) yang diputuskan oleh Konvensyen Kebangsaan Tulisan Jawi yang diadakan di Trengganu pada tahun 1984. Walaupun diadakan konvensyen-konvensyen selepas itu bagi membincangkan sistem ejaan Jawi yang perlu diubah mengikut keperluan , namun sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan ini lebih menonjol hingga ke hari ini disebabkan

ianya mendapat sokongan daripada Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) selain ianya mendapat sokongan yang penuh dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tulisan Jawi mempunyai pengaruhnya yang kuat dalam bahasa dan kebudayaan Melayu , sehingga bangsa-bangsa asing yang datang ke tanah Melayu yang ingin mengkaji bahasa dan kesusasteraan Melayu terpaksa belajar tulisan Jawi. Selain dari sudut bahasa dan kesusasteraan ,tulisan Jawi juga berperanan dalam perkembangan kesenian Islam di Malaysia. Ini dapat dilihat melalui lahirnya tulisan khat Jawi yang digunakan untuk menghiasi dinding-dinding masjid, surau-surau bahkan ianya juga digunakan dalam sijil-sijil, kepala-kepala surat nama-nama jalan dan sebagainya. Jenis-jenis khat yang biasa digunakan ialah seperti khat Thuluth, Nasakh, Kufi dan sebagainya. Secara tidak langsung ini memberikan suatu sunbangan yang berharga kepada ketamadunan budaya dan seni bangsa Melayu.

Belum sempat tulisan Jawi melebarkan sayapnya di Alam Melayu ini , datang pula tulisan Rumi yang diperkenalkan oleh Barat untuk menggugat keselesaan tulisan Jawi yang sedang bersemayam di atas singgahsananya. Lebih buruk lagi dengan terlaksananya kurikulum sekolah Melayu yang ditaja oleh Barat telah mengurangkan peranan tulisan Jawi dalam pendidikan . Pengabaian secara tidak sedar ini lama-kelamaan mencetuskan tanggapan yang kontradik terhadap kepentingan Jawi dsalam persuratan Melayu.

Suasana menjadi lebih parah lagi setelah pengistiharan Akta Bahasa Kebangsaan di Parlimen pada tahun 1963. Akta ini menetapkan bahawa tulisan

rasmi bagi bahasa Melayu ialah tulisan Rumi. Akibat pengistiharan Akta Bahasa ini orang Melayu mula menjadi agak terasing dengan Jawi dan tidak minat untuk menggunakannya khususnya dalam urusan-urusan rasmi. Dari sudut penerbitan pula banyak majalah-majalah yang diterbitkan dengan tulisan Rumi bahkan terdapat majalah yang dahulunya diterbitkan dengan tulisan Jawi kini diterbitkan dengan tulisan Rumi seperti majalah Mastika . Majalah Dian yang pernah diterbitkan dengan tulisan Jawi telah bertukar kepada dua versi iaitu Jawi dan Rumi dan lama kelamaan Jawi terus hilang darinya . Syarikat Akhbar Utusan Melayu terpaksa menanggung kerugian yang agak besar kerana terpaksa menerbitkan akhbar Jawi Utusan Melayu walaupun pembacanya semakin berkurangan dari hari ke hari namun ianya terpaksa dipertahankan demi menjaga satu-satunya warisan Melayu yang amat berharga ini.

Tanggungjawab memelihara ketuanan Jawi haruslah dipikul oleh semua pihak dan sokongan pihak kerajaan haruslah berterusan. Sekiranya tulisan Jawi diwajibkan di semua tahap pengajian rendah dan menengah setaraf dengan bahasa Melayu , kita yakin suasana sebegini tidak akan wujud. Semasa wujudnya sekolah Melayu dahulu tulisan Jawi menjadi tulisan utama sekurang-kurangnya di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu . Tetapi apabila sekolah Melayu dihapuskan dan diganti dengan sekolah umum atau sekolah kebangsaan maka peranan tulisan Jawi semakin berkurangan . Tulisan jawi hanya menjadi mata pelajaran sahaja dan dimasukkan dalam pengajaran bahasa Melayu.

Keadaan ini tidak bertahan lama, kerana ramai guru-guru yang mengajar bahasa Melayu tidak mahir Jawi. Akhirnya ia dipindahkan ke dalam pelajaran

Agama Islam namun ini tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana Jawi telah mengurangkan masa untuk pengajaran Agama Islam. Keadaan yang tidak menentu ini berterusan hingga sekarang serentak dengan itu kedudukan tulisan Jawi terus menerus malap dan merosot umpama pepatah Melayu yang mengatakan :-

***“Ditelan Pahit Dibuang Sayang,  
Ditelan Mati Emak Diluah Mati Ayah”.***

Tulisan Jawi menjadi tulisan yang tidak menentu kedudukannya berpindah randah dari satu tempat ke tempat yang lain memohon simpati orang.

Demikianlah sejarah perkembangan tulisan Jawi di Alam Melayu yang dahulunya telah mencapai zaman yang amat gemilang tetapi kini menuju ke era kemalapan kemurungannya . Pada masa dahulu tulisan Jawi hanya satu-satunya tulisan bagi orang Melayu dan tulisan Jawi mendukung kebudayaan dan tamadun Melayu yang teguh dan agung tetapi kini tempatnya telah dirampas oleh tulisan Rumi mnyebabkan ianya tersisih jauh membawa diri.

Dari laporan-laporan penyelidikan dan analisa yang dipaparkan sebelum ini dapatlah dirumuskan bahawa penguasaan tulisan jawi di kalangan pelajar-pelajar Melayu berada di tahap yang sederhana yang mana sekiranya usaha atau gerakan secara besar-besaran tidak dilakukan untuk mengatasi beberapa masalah yang wujud , adalah dikhawatiri akan wujud di masa akan datang nanti generasi-generasi Melayu yang tidak tahu membaca dan menulis Jawi.

Kelemahan amat ketara dalam kemahiran menulis Jawi jika dibandingkan dengan kemahiran membaca. Di antara punca kelemahan menulis jawi ialah kerana kekeliruan sistem ejaan Jawi yang sering berubah . Tidak ramai dari pelajar-pelajar Melayu yang dapat menguasai kaedah mengeja Jawi dengan tepat . Kebanyakan mereka akan mengeja mengikut selera dan kefahaman masing-masing tanpa merujuk kepada kaedah yang telah ditetapkan.

Memang benar pelajaran Jawi diajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah akan tetapi ianya tidak memberi kesan yang mendalam bagi diri pelajar kerana tiada suatu arahan untuk mewajibkan tulisan Jawi . Bahkan kita dapati dalam menjawab soalan-soalan Pendidikan Islam dalam peperiksaan-peperiksaan yang besar seperti PMR, SPM dan STPM pelajar diberi kebebasan untuk memilih tulisan yang mereka kehendaki. Suasana ini akan menjadikan suatu hari nanti majoriti pelajar lebih suka menjawab soalan agama dengan tulisan Rumi kerana ianya lebih cepat dan mudah walaupun mereka tahu markah bonus akan diberi kepada pelajar yang mampu menjawab dengan tulisan Jawi .

Melalui penganalisan yang mendalam , penulis telah merumuskan faktor-faktor kelemahan penguasaan Jawi di kalangan generasi kini adalah seperti berikut :-

- a) Kurangnya pendedahan pelajar-pelajar kepada kaedah ejaan jawi yang tepat dan betul . Ini telah mengakibatkan pelajar akan mengeja mengikut selera masing-masing tanpa panduan yang boleh diikuti .

- b) Kurang pendedahan pelajar-pelajar terhadap kepentingan tulisan Jawi sebagai salah satu media persuratan Melayu yang wajib dipertahankan . Kesedaran terhadap kepentingan jawi ini akan timbul sekiranya pihak-pihak yang bertanggungjawab menekankan penggunaan tulisan jawi dalam segala urusan-urusan rasmi. Ramai pelajar yang berpendapat bahawa mereka tidak nampak apakah kepentingan tulisan Jawi untuk dipertahankan kerana ianya jarang-jarang sekali dan boleh dikatakan tidak pernah digunakan dalam apa jua urusan rasmi .
- c) Pemaparan artikel-artikel Jawi yang dianggap oleh kebanyakan pelajar sebagai kurang menarik dan tidak sesuai dengan selera mereka . Kebanyakan artikel-artikel dalam Jawi adalah bersifat hambar dan tidak merangsang remaja untuk menatapinya . Penulis berpendapat tidak salah sekiranya tulisan Jawi dipersembahkan dalam yang bentuk sesuai dengan peredaran zaman asalkan ianya masih berada di atas landasan keagamaan dan nilai-nilai ketimuran .
- d) Tulisan Jawi kurang digunakan dalam pembelajaran dan ianya dipelajari di sekolah-sekolah bagaikan melepaskan batuk di tangga sahaja tanpa sebarang dorongan yang boleh merangsang pelajar-pelajar mendalaminya .
- e) Kurangnya peranan yang dimainkan oleh media cetak dan elektronik dalam mempromosikan ketuanan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu.

## 5.2. Saranan-Saranan

Hasil dari penyelidikan yang dibuat, penulis ingin mengutarakan beberapa cadangan dan saranan untuk memperbaiki keadaan sebelum ianya menjadi lebih parah. Antara cadangan-cadangan itu ialah seperti berikut:

- i. Tulisan Jawi hendaklah diajar secara formal dan bukan digabungkan dengan pelajaran Agama Islam atau Bahasa Melayu. Langkah kerajaan memasukkan mata pelajaran Jawi dalam sukatan pelajaran 1970, 1972 dan 1975 di sekolah dan juga dalam kurikulum maktab Maktab Perguruan dalam awal tahun 80an dapat menambah pengetahuan pelajar-pelajar tentang tulisan Jawi dalam dekad akhir tahun 80an. Walau bagaimana pun penguasaan pelajar dalam pelajaran Jawi khususnya tulisan Jawi masih amat lemah.
- ii. Pusat Perkembangan Kurikulum hendaklah menggunakan teks-teks Jawi pada beberapa mata pelajaran tertentu seperti pengetahuan agama Islam, kesusasteraan Melayu Klasik dan sebagainya yang dirasakan berkaitan.
- iii. Lembaga Peperiksaan hendaklah mewajibkan pelajar-pelajar menjawab soalan agama Islam dengan tulisan Jawi.
- iv. Segala ketidakseragaman yang terdapat dalam sistem ejaan Jawi yang menyebabkan ramai pelajar menjadi keliru tentang tulisan Jawi hendaklah dicari penyelesaiannya.



- v. Segala urusan-urusan rasmi tentang pentadbiran agama hendaklah dijalankan dengan menggunakan tulisan Jawi atau sekiranya ianya akan menyebabkan permasalahan maka hendaklah diadakan dua versi Jawi dan Rumi. Sijil-sijil kahwin, surat-surat rasmi jabatan agama Islam dan sebagainya hendaklah ditulis dengan tulisan Jawi.
- vi. Papan-papan iklan, nama – nama jalan, jabatan, kementerian, kepala-kepala surat da sebagainya hendaklah ditulis dengan dua versi iaitu Jawi dan Rumi sebagaimana yang dilakukan di Brunei Darul Salam.
- vii. Penggunaan tulisan jawi yang meluas di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi hendaklah dilaksanakan. Pengistiharan Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan pelajaran TITAS di peringkat universiti telah membuka peluang untuk diperkenalkan tulisan Jawi sebagai tulisan wajib untuk pelajaran tersebut.
- viii. Media elektronik seperti televisyen dan radio mestilah berperanan menyiarkan siaran-siaran yang memfokuskan kepada penggunaan tulisan Jawi secara meluas.
- ix. Media cetak pula hendaklah mencari suatu makenisme yang berkesan bagi menarik pembaca mendekati tulisan Jawi samada dengan mengadakan lebih banyak peraduan-peraduan dengan menyediakan hadiah yang agak lumayan untuk menarik perhatian pembaca khususnya golongan remaja.

- x. Pihak Berkuasa pula hendaklah memberi galakan dan kemudahan yang lebih kepada penerbit, pencetak dan pengedar bagi mendapatkan peralatan, pengurusan dan lain-lain bagi menjayakan sesuatu media dalam tulisan Jawi.
- xi. Urusan-urusan rasmi kerajaan seperti pekeliling-pekeliling, hendaklah ditulis dengan dua versi sebagai suatu pendedahan meluas kepada rakyat.

### 5.3. Penutup

Berasaskan kepada pembentangan dan kupasan-kupasan yang lalu, secara umumnya bolehlah dibuat kesimpulan bahawa penguasaan pelajar-pelajar Melayu yang sedang belajar di UiTM kampus Machang adalah di tahap sederhana dan sekiranya ianya dilatih dan dipupuk dengan berterusan akan menghasilkan natijah yang kita inginkan. Sebaliknya sekiranya generasi tersebut dibiarkan dalam keadaan yang agak membimbangkan ini, bermakna generasi yang tidak tahu Jawi akan berleluasa dan masyarakat akan datang akan beranggapan bahawa "*Buta Jawi*" sebagai suatu fenomena biasa dan bukan perkara yang mengaibkan mereka.